

Adat Bersandui (Negeri Sembilan)

Berendui (Kedah)

Norhalim Ibrahim

Jabatan Sains Kemasyarakatan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia

SKA 300

Adat Bersandui (Negeri Sembilan)
Dan Adat Berendui (Kedah): Satu Perbandingan

2 April 1990

Prakata

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah kerana dapat menyiapkan tugas SKA 300 (Sistem Kekeluargaan Dan Organisasi Sosial).

Kami bersyukur kerana banyak pihak telah membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah SKA 300. En. Norhalim Ibrahim yang telah banyak memberi komen serta pandangan dalam menjalankan tugas ini.

Jutaan terima kasih juga kepada para penduduk Kampung Pedas dalam daerah Rembau di Negeri Sembilan serta penduduk-penduduk Kg. Mawat, Langkawi yang banyak memberi bantuan bagi memudahkan penyelidikan kami. Ingin kami nyatakan rasa terharu kami di atas segala jasa baik yang dicurahkan.

Tugas ini, banyak memberi kami pengalaman pahit dan manis. Namun yang pentingnya, kami mula mengakui betapa tingginya nilai budaya yang kita punyai. Adat-adat warisan budaya sepatutnya dijaja dan dipelihara dengan baiknya supaya tidak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Kami juga menyedari bahawa adat-adat warisan ini adalah mewarisi kebudayaan nenek moyang terdahulu. Seterusnya mendekatkan kita kepada nilai-nilai murni yang ujud dalam pengalaman adat-adat ini.

Akhir sekali, kami percaya tugas SKA 300 ini akan memberi kami pengalaman dan kefahaman untuk menjalani tugas-tugas lain yang akan kami hadapi kelak.

Sekian, wassalam.

Senarai Kandungan

Muka Surat

Prakata	i
Senarai Kandungan	ii
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Konsep	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Limitasi Kajian	4
2.0 Adat Bersandui Di Negeri Sembilan	5
2.1 Latar Belakang	5
2.2 Amalan	6
2.2.1 Peralatan	6
2.2.2 Bila Dilakukan Dan Di Mana	8
2.2.3 Siapa Yang Terlibat	8
2.2.4 Bacaan	9
3.0 Adat Berendui Di Negeri Kedah	14
3.1 Latar Belakang	14
3.2 Amalan	15
3.2.1 Peralatan	15
3.2.2 Bacaan	18
3.2.3 Bila Dilakukan Dan Di Mana	22
3.2.4 Siapa yang Terlibat	24
4.0 Perbandingan	27
4.1 Persamaan	27
4.2 Perbezaan	29
5.0 Kesimpulan	33
Bibliografi	35

2.0 Adat Bersandui Di Negeri Sembilan

2.1 Latar Belakang

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang mengamalkan satu adat yang berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Rakyat di negeri ini, mengamalkan Adat Perpatih. Kebanyakan daripada mereka pada masa dahulu sangat berpegang kuat kepada adat yang diasaskan oleh Datuk Perpatih, Pinang Sebatang. Adat ini merangkumi pelbagai aspek seperti dalam hal perkahwinan/perceraian, harta, waris pusaka struktur pentadbiran dan sebagainya. Di samping mengamalkan adat-adat orang Melayu biasanya contohnya bersandui, berzanji dan lain-lain lagi. Mengikut Harun Mat Piah dalam Dewan Budaya (1980) muka surat 45, bersandui di negeri Sembilan adalah hasil dari perlakuan mengambil madu lebah. Masyarakat Melayu menganggap lebah punya semangat yang perlu dipelihara dan dihormati. Pohon-pohon besar tempat lebah bersarang juga mempunyai semangat dan penunggu bahkan api dan angin yang berpengaruh dalam perlakuan itu perlu juga dipertimbangkan. Oleh kerana itu perlakuan tersebut memerlukan cara yang tertentu bersama lagu dan seni kata yang bernilai seni. Biasanya lagu dan seni kata ini dalam bentuk pantun atau syair yang mengandungi lambang-lambang yang bermakna.

Selepas berkembangnya Islam, pemujaan terhadap semangat ini tidak lagi dilakukan. Tetapi bersandui masih dilakukan sebagai salah satu upacara menyambut kelahiran bayi. Kebanyakan lagu-lagu yang dinyanyikan adalah syair yang berbentuk nasihat dan tauladan. Bersandui telah lama wujud di Negeri Sembilan. Buktinya seorang penyelidik British iaitu O.T. Dussek telah berjaya merekodkan seni kata lagu ini di dalam buku iaitu di dalam tahun 1917.

Dalam kertas kerja ini, kami mengambil kawasan Pedas di daerah Rembau sebagai kawasan kajian. Walaupun mereka yang tinggal di sini tidak lagi mengamalkan upacara ini tetapi masih ada segelintir penduduk yang terdiri dari golongan tua yang mengetahui tentang adat bersandui.

2.2 Amalan

2.2.1 Peralatan

Dalam upacara bersandui, beberapa ayat yang mempunyai fungsi tertentu digunakan. Penggunaan alat-alat ini telah ditentukan sejak dahulu lagi. Bagi upacara bersandui di Negeri Sembilan alat-alat yang masih ada ialah:

- 1) Buaian tangguk – jika tiada, buaian lain dibolehkan
- 2) Rantai emas – hiasan lilit 4 bahagian buaian
- 3) Tali – untuk membuaikan
- 4) 3 lapis kain – diletakkan sebagai alas buaian
- 5) Tombak, sarung ketupat dari daun kelapa, gula-gula dan barang-barang yang boleh dijadikan hiasan.

Buaian tangguk yang digunakan adalah dibuat dari rotan. Seelok-eloknya buaian ini digunakan tetapi jika tiada buaian-buaian yang lain boleh digunakan. Fungsi buaian tersebut adalah sebagai tempat bagi bayi untuk dibuaikan semasa upacara bersandui. Buaian tangguk selalu digunakan kerana bentuk dan buatannya yang seni dan menarik serta sesuai bagi upacara ini.

Nabi Muhammad pernah bersabda, “beri sahajalah seolah-olah kita akan hidup 100 tahun lagi dan beramallah seolah-olah kita akan mati pada esoknya”. Emas adalah satu kekayaan yang dikurniakan oleh Allah di mana manusia perlu berusaha untuk memperolehnya. Rantai emas yang digunakan adalah lambang kekayaan di dunia dan di akhirat. Dengan harta yang ada kita boleh beramal, bersedekah ke jalan Allah untuk keredhaannya kerana “kefakiran membawa kekufuran”. Rantai emas yang biasa digunakan ialah 4 utas yang diletakkan di tali pemegang buaian.

Untuk mengayunkan buaian, tali digunakan. Jenis dan warna tali yang digunakan bergantung kepada keluarga. Ada yang menggunakan tali emas dan juga perak. Tali tersebut diikatkan pada 2 penjuru buaian supaya mudah dihayun. Semasa upacara bersandoi dijalankan 2 orang daripada mereka yang bersandoi akan menarik tali buaian mengikut rentak.

Tiga lapis kain digunakan untuk membuat alas bagi buaian. Kain-kain ini mestilah berlainan warna serta mempunyai corak dan kombinasi warna yang menarik. Tujuan 3 lapis kain digunakan ialah supaya bayi sentiasa berada dalam keadaan yang selesa. Ini kemungkinan besar disebabkan oleh buaian tangguk yang dibuat dari rotan tulen yang keras.

Upacara ini tidak lengkap jika tiada perhiasan yang menghias buaian tersebut. Daun kelapa yang dibentuk menjadi sarung ketupat dan tombak menjadi perhiasan utama. Bagi bayi perempuan, ketupat melambangkan tanggungjawab yang perlu dihadapi suatu masa nanti iaitu sebagai ibu, isteri dan anak. Bagi bayi lelaki pula, tombak melambangkan sifat berani yang perlu ada bagi setiap lelaki. Pada zaman dahulu tombak selalunya dikaitkan sebagai pemburuan.

Pada keseluruhannya, alat-alat yang digunakan adalah mengikut amalan yang diamalkan oleh mereka yang terdahulu. Tetapi setiap alat itu boleh digantikan dengan alat-alat yang sesuai pada masa sekarang. Ini memandangkan hanya golongan tertentu sahaja yang masih mengamalkan upacara ini.

2.2.2 Bila Dilakukan Dan Di Mana

Upacara ini dilakukan sebagai salah satu upacara dalam majlis kenduri akikah dan bercukur rambut. Ini dilakukan pada masa sekarang. Pada masa dahulu 'bersandoi' dilakukan untuk memuja semangat sempena kelahiran bayi. Ia dilakukan semasa bayi berumur 7 hari. Ini adalah fleksibel juga. Biasanya upacara ini dilakukan paling akhir dalam majlis akikah itu. Iaitu selepas berzanji dan cukur rambut bayi. Bayi diberi nama pada hari yang sama oleh ibu bapa masing-masing.

Selalunya upacara ini dijalankan di rumah ibu bapa kepada ibu bayi tersebut atau dengan lain perkataan di rumah atuk dan nenek sebelah ibu. Tetapi sekarang ini ada juga yang menjalankannya di rumah ibu bapa bayi itu sendiri. Tempat di mana bersandoi dijalankan adalah di serambi atau ruang tamu. Pada masa sekarang ini upacara dijalankan oleh orang-orang yang kaya dan mungkin sebagai kenangan untuk menyambut kelahiran bayi yang pertama.

2.2.3 Siapa yang terlibat

Di Negeri Sembilan, dalam upacara begini, secara langsung atau tidak langsung. Terutamanya mereka yang dikenali sebagai waris atau mempunyai ikatan kekeluargaan seperti ibu saudara, bapa saudara dan sebagainya. Sebelum upacara dijalankan, persiapan awal disediakan oleh mereka yang telah disebutkan di atas.

Biasanya dalam upacara bersandui. 4 orang diperlukan bagi menjalankannya. Mereka itu biasanya dibayar untuk melakukannya. Pada hari tersebut, mereka akan membawa berbagai-bagai juadah dan hidangan.

Semasa upacara ini dijalankan semua orang akan duduk dan mendengar lagu-lagu endui. 4 orang ini akan duduk bersila dan mengelilingi buaian tersebut.

2.2.4 Bacaan

Seni kata Endui yang dilagukan, merupakan kata-kata nasihat atau pengetahuan tentang agama dan tanggungjawab sebagai seorang anak. Banyak seni kata dalam lagu-lagu Endui diambil dari dondang Siti Fatimah atau dari buku Nazam 25 Rasul. Nyanyian ini dilakukan biasanya oleh 4 orang kaum lelaki. Mereka dibayar untuk melakukan upacara ini. Selalunya lagu ini sangat panjang. Tetapi pada masa sekarang ini. Lagu-lagu Endui adalah pendek sahaja kerana dilakukan bersama-sama dengan berzanji dan mencukur rambut bayi.

Di bawah ini adalah salah satu daripada seni kata endui yang dinyanyikan.
Lihat lampiran di bawah :-

ENDUI

Ucapan mencukur budak kecil

(1) Bismillahirrahmanirahim

La ilaha il-lallah

Muhammad a r-rasulullah.

(2) Bismillah itu permulaan nama

Keadaan zatnya bersama-sama

Zahirkan sifat menyatakan isma

Kadim dan taat sedia lama.

(3) Hai segala anaknya Adam

Asalnya wahi nurul khatan\m

Dipecahnya empat nasirnya Adam

Dipecahnya pula sekalian alam.

(4) Rahim bapa mu turun ke ibu mu
Empat puluh hari nutfah nama mu
Delapan puluh hari alkah nama mu
Seratus dua puluh hari alamah nama mu

(5) Dikandung ibu mu sembilan bulan
lebih atau kurang tiada ditentukan
beranaklah dikau berapa kesakitan
Berapalah pantang minum dan makan

(6) Cukup sembilan bulan bilangannya
zahirlah engkau ke dalam dunia
baharulah suka ibu bapanya
kepada engkau banyak kasihnya

(7) Harap ibu mu bukan sedikit
Tinggilah harapan dari bukit
Lama ibu mu merasai sakit
Sembilan bulan tiada berbangkit

(8) Kenangkan oleh mu sekalian anak
Tatkala engkau lagi kanak-kanak
Apabila sudah tidur mu enak
Dicarikan makan manis dan lemak

(9) Peliharaan ibu mu sangatlah susah
Di alih ke kiri kanan pun basah
Tiadalah engkau menaruh insaf


- (10) Setelah kamu sudahlah ada
Siang dan malam ibumu jaga
Tidur pun tidak barang seketika
Makan dan minum tidak berasa
- (11) Berapalah dian dengannya tanglung
Diangkat di tuam lalu dibedung
Sudahlah jaga lalu di dukung
Kasih dan sayang tiada bertanggung
- (12) Tiadalah tentu siang dan malam
Bangun memangku di dalam kelam
Terkejut jaga di tengah malam
Tidur pun tidak dapat di tilam
- (13) Kenangkan ayahmu anak bangsawan
Peliharakan dikau sangat kesusahan
Dipelihara daripada angin dan hujan
Takut terkena penyakit sawan
- (14) Jika ibumu ada hamba disuruh
Nyamuk pun tidak hampir ke tubuh
Tirai kelambu dibentang, dibubuh
Lilin dan tanglung dipasang, disuluh
- (15) Walau pun ibumu ada berhutang
Kain sehelai juga dipanggang
Basah di ampai kering di pinggang
Di dukung, di gelas tiada berenggang

(16) Kenangkan ayahmu anak bangsawan

Barang katanya jangan dilawan

Ibu bapamu perhubungan Tuhan

Baharulah sempurna anak bangsawan



Gambar ahli – ahli kumpulan semasa di Langkawi

Dari kiri : Faizah Mas'ud, Shalehaton Md. Ario, Mazmin Mat Akhir dan Zuraini Borhan

(17) Jika ibumu orang kaya

Disuruh pelihara hamba dan sahaya

Serta dikampungkan duit belanja

Itu pun engkau kurang percaya

(18) Apabila engkau dapat membilang
Di suruh mengaji pagi dan petang
Rumah gurumu empat berulang
Pagi dan petang tiada berselang

(19) Apabila engkau pergi mengaji
Ibu bapamu suka hati
Dicarinya ringgit sehari-hari
Hendak di suruhkan engkau ke haji

(20) Pergi ke haji tanah yang suci
Hendak membuang nama yang keji
Sheikh itu suruh mengaji
Baca Quran, jangan engkau benci

Bibliografi

1. Dussek, O.T (1917), Hair Cutting Ceremony, Royal Asiatic Journal, Volume 19, Jilid XV 11, muka surat 119.
2. Harun Mat Piah (1980), Upacara Adat Bersandui Di Negeri Sembilan', Dewan Budaya Oktober, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur